

Fairus wakil tunggal negara ke AYF'13 di Bangkok

SEREMBAN 3 Feb. - Pelajar program Bioteknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, dekat sini, Fairus Abdul Manaf, 22 menjadi wakil tunggal negara menyertai Forum Belia Asia kali ke-13 (AYF'13) di Bangkok, Thailand bermula 27 Januari lalu sehingga semalam.

Fairus yang dihubungi Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM memberitahu, dia melahirkan rasa gembira dan berbangga kerana menjadi wakil tunggal negara berada dalam forum berkenaan.

"Saya berterima kasih kepada pihak USIM di atas kepercayaan yang diberikan ini. Keberadaan saya dalam AYF'13 itu adalah satu tanggungjawab besar dalam menempatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang dihormati dunia, khususnya dalam rantau Asia," katanya.

Fairus merupakan antara 67 peserta yang mewakili negara seperti Bangladesh, China, Indonesia, Jepun, Itali, Korea Selatan, Thailand, Mongolia serta Filipina dan telah mengikuti pelbagai pengisian yang diatur sepanjang berada di negara Gajah Putih itu.

AYF merupakan program tahunan antarabangsa yang menyasarkan pelajar universiti dan remaja untuk duduk berbincang dalam pelbagai isu komuniti belia peringkat serantau.



FAIRUS ABDUL MANAF (kiri) bersama sebahagian delegasi peserta antarabangsa ketika menyertai Forum Belia Asia di Bangkok, Thailand, baru-baru ini.

"Program itu telah diasaskan oleh seorang pensyarah kanan Universiti Tottori, Jepun, Profesor Kip Cates pada tahun 1999.

"Sepanjang menyertai forum itu, saya telah membentangkan perihai keunikan Malaysia dan suasana baik yang berlaku pada waktu ini.

"Hasil daripada pembentangan itu, saya menerima banyak rekasi positif dalam kalangan peserta dan ada yang mahu berkunjung ke Malaysia untuk mengetahui lebih lanjut kehidupan rakyat berbilang kaum yang harmoni itu," katanya.

Tambahnya lagi, dia diberi pe-

luang untuk mengadakan perbincangan dan kerjasama dengan peserta pelbagai negara dalam mengadakan aktiviti berkumpulan, akademik, sesi forum terbuka dan banyak lagi.

Penganjuran AYF'13 itu adalah kesinambungan forum terdahulu yang bertujuan untuk menghimpunkan pelajar intitusi pengajian tinggi di Asia dalam satu konvensyen antarabangsa sebagai satu platform untuk peserta bertukar dan berkongsi idea, pandangan serta pemikiran berkaitan isu budaya, bahasa, kepimpinan, sosial dan global.